



**PELAJAR Universiti  
Malaysia Pahang  
memakaikan topeng  
penutup muka  
sesama sendiri.**

## Edar 100,000 topeng muka

**HARIAN METRO (SETEMPAH)** 16 SEPT 2015 M/S 49

**Kuantan:** Kerajaan negeri mula mengedarkan 100,000 topeng muka kepada pelajar sekolah di seluruh negeri sebagai langkah berjaga-jaga menghadapi situasi jerebu yang semakin teruk.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Sumber Manusia dan Tugas-Tugas Khas negeri Datuk Norol Azali Sulaiman berkata, ia susulan Indeks Pencemaran Udara (IPU) di tiga kawasan iaitu Balok, Indera Mahkota serta Jerantut mencatat bacaan tidak sihat.

“Agihan topeng muka di sekolah itu hasil inisiatif kerajaan negeri untuk cuba mengurangkan kesan jerebu kepada pelajar.”

“Kita berharap pertubuhan bukan kerajaan (NGO)

“Agihan topeng muka di sekolah itu hasil inisiatif kerajaan negeri untuk cuba mengurangkan kesan jerebu kepada pelajar”

**Norol Azali Sulaiman**

dan syarikat swasta turut membantu kerajaan negeri dalam usaha memberi topeng muka percuma kepada orang ramai,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada media selepas melancarkan Skuad Sedar Gabungan Pelajar Melayu Se-

menanjung (GPMS) Pahang dan melawat Sekolah Kebangsaan Tanjung Lumpur di sini, semalam.

Hadir sama Pengarah Jabatan Alam Sekitar negeri Che Rosli Che Husin dan Pengerusi GPMS negeri Wan Emril Nizam Wan Embong.

Menurutnya, pihaknya juga bercadang melanjutkan waktu operasi klinik kesihatan di negeri ini jika ada keperluan susulan keadaan semasa jerebu.

“Setakat ini, kita belum ada rekod mengenai kesan terhadap kesihatan penduduk akibat jerebu. Namun, Jabatan Kesihatan negeri sentiasa melakukan pemantauan dan melakukan kempen kesedaran kepada orang ramai,” katanya.